

STATUS DAN ISU-ISU PELAKSANAAN PEMUSATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL ICT DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) DAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD) BERSAMA SEKTOR PENGURUSAN MAKLUMAT JPN DAN PENYELARAS JTK



KANDUNGAN

01.

PERUTUSAN Pengerusi

02.

STATUS PELAKSANAAN

03.

**PERANCANGAN INISIATIF
ICT 2023**

04.

PERBINCANGAN ISU

05.

USUL BAHARU

06.

HAL-HAL LAIN



01

PERUTUSAN Pengerusi



02

STATUS PELAKSANAAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

STATUS PELAKSANAAN

Peringkat 1 : Secara *Task Force*

1

Garis Panduan (Feb 2022)



- ❖ Surat edaran kepada JPN dan Bhg. Pendidikan Khas bertarikh **23 Februari 2022**

Taklimat (Mac-Mei 2022)



- ❖ Taklimat kepada JPN dan PPD : **23 Mac 2022**
- ❖ Taklimat kepada JTK
 - Kelantan : **29 Mac 2022**
 - Perlis, P.Pinang, Selangor, Labuan, Putrajaya : **13 April 2022**
 - Johor, N. Sembilan, Sarawak, KL : **20 April 2022**
 - Kedah, Terengganu, Melaka, Pahang, Perak : **21 April 2022**
 - Sabah : **22 April 2022**
- ❖ Taklimat kepada Pentadbir Sekolah : **April - Jun 2022**
- ❖ Senarai Penyelaras, Kumpulan JTK & lokasi penugasan
- ❖ Surat arahan penugasan

3

Pemantauan

- ❖ Bermula Jun 2022

Peringkat 2 : Secara Pindah Butiran

4

Norma Perjawatan (Mei 2022)

- ❖ Perbincangan awal norma perjawatan telah diadakan bersama Sektor Pengurusan Maklumat (SPM) JPN pada 2 Ogos 2022.
- ❖ Cadangan awal norma perjawatan telah dibentangkan kepada TKSUP dan BPSM pada 22 November 2022.

5

Kajian Impak (Jun - Dis 2022)

- ❖ *Post Mortem*
- ❖ Semakan semula Garis Panduan
- ❖ Penyediaan Kertas Cadangan Pindah Butiran

6

Kelulusan JPA (Feb 2023)

- ❖ Kelulusan pindah butiran



SKOP PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL ICT



Layari
<https://isd.moe.gov.my>



1 PELAKSANAAN INISIATIF ICT KPM

- ❖ Sewaan PdP Fasa 1
- ❖ Sewaan PdT FASA 1
- ❖ Kajian *baseline* infrastruktur ICT
- ❖ Pelaksanaan TIMSS/PISA
- ❖ Naik taraf rangkaian

2 PENYELESAIAN ADUAN ICT

- ❖ Jumlah Kes dari Jun – Oktober 2022 : **20,877**
- ❖ Aduan dari **2,204 sekolah yang tiada JTK & 1,725 sekolah yang ada JTK**

3 PERMOHONAN PERKHIDMATAN ICT

- ❖ Naik taraf/selenggara rangkaian
- ❖ Pembaikan /naik taraf peralatan ICT (Makmal/ ICT , Pusat Akses, dll)
- ❖ Verifikasi peralatan ICT
- ❖ Khidmat nasihat pengurusan pelupusan peralatan ICT

4 PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN SECARA BERKALA

- ❖ Berkala
- ❖ Berdasarkan permintaan
- ❖ Peranti : **233,915** di **6,332 sekolah**
- ❖ Rangkaian : **905 sekolah**



16
JPN



142
PPD



10,045
SEKOLAH
HARIAN , KHAS





2,697
JTK PPD & SEKOLAH
(PENGISIAN)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

2 PEMANTAUAN PENYELESAIAN ADUAN KES ICT – ISD

STATISTIK ADUAN KES ICT BERKAITAN PdP DAN PdT DARI JUN – OKTOBER 2022





03

PERANCANGAN INISIATIF ICT 2023



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
1.	SEKSYEN OPERASI DAN PENGURUSAN TEKNIKAL (SOPT)	Kelas Hibrid – Pembekalan peranti ICT kelas	Pemantauan dan Sokongan Teknikal	Membantu dan memantau pelaksanaan pemasangan perkakasan ICT kelas hibrid melibatkan 110 sekolah (550 kelas) sekolah terpilih di seluruh Malaysia	110 Sekolah (550 Kelas)	Januari hingga Mei 2023
2.		Perkhidmatan Sewaan Perkakasan ICT Secara Sewa milik (<i>Lease to own</i>) Untuk Keperluan Pengurusan dan Pentadbiran (PdT) Di Agensi, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (Fasa 3)	Pemantauan dan Sokongan Teknikal	Melaksana konfigurasi <i>Active Directory</i> , <i>Endpoint</i> (MDM) dan membantu proses <i>back up</i> sekiranya perlu bagi negeri berikut : i) Zon Utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang); ii) Zon Selatan (Melaka, Johor); iii) Zon Timur (Pahang, Kelantan dan Terengganu); dan iv) Zon Borneo (Sabah, Sarawak dan WP Labuan). Melaksana pengujian bersama pihak pembekal	▪ Komputer Peribadi (2,961 unit) ▪ Komputer Riba (7,916 unit) ▪ Pencetak (2,770 unit) ▪ Pengimbas (230 unit) ▪ Projektor (668 unit)	Januari hingga Feb 2023



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
3.	SEKSYEN OPERASI DAN PENGURUSAN TEKNIKAL (SOPT)	Perkhidmatan Sewaan Perkakasan ICT Secara Sewa Guna (<i>Lease to use</i>) Untuk Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Makmal Komputer Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Fasa 2	Pemantauan dan Sokongan Teknikal	Melaksana konfigurasi <i>Endpoint</i> (MDM) GSEfE bagi peralatan sewaan Melaksana pengujian bersama pihak pembekal	68,056 unit komputer riba 3,511 unit pencetak <i>multifunction</i> 3,506 unit projektor 2,834 unit <i>charging cart</i>	Januari hingga Mac 2023
4.		Perolehan Endpoint Deployment And Management Solution Untuk Keperluan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).	Bantuan Teknikal	Melaksana konfigurasi agen <i>desktop management</i> melibatkan 30,000 lesen di JPN, PPD dan agensi di bawah KPM.	30,000 unit lesen Manage Engine	Januari hingga Feb 2023



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
5.	SEKSYEN OPERASI DAN PENGURUSAN TEKNIKAL (SOPT)	Penyelenggaraan Pencegahan Secara Berkala	Bantuan Teknikal	Melaksana perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan bagi Aset ICT di JPN, PPD dan sekolah	40,000 unit perkakasan ICT	Sepanjang Tahun (Secara Berkala)
6.		Penyelenggaraan Peranti CERDIK	Bantuan Teknikal	1. Memantau dan memeriksa pemasangan MDM 2. Melaksana <i>preventive maintenance</i> dan <i>corrective maintenance</i>	150,000 unit peranti	Sepanjang Tahun
7.		Langganan Perisian Microsoft Untuk Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Di Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Bantuan Teknikal	Melaksanakan <i>deployment</i> M365 A1 untuk makmal sekolah termasuk konfigurasi InTune, pemasangan Windows	60,000 unit lesen M365 A1	Januari 2023 hingga Feb 2023
8.		Pelupusan Perkakasan ICT	Bantuan Teknikal	Membantu Pegawai Aset untuk membuat pelupusan di JPN, PPD dan sekolah yang terlibat dengan		Sepanjang Tahun



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
9.	SEKSYEN OPERASI DAN PENGURUSAN TEKNIKAL (SOPT)	Langganan Perisian Microsoft Untuk Keperluan Pengurusan dan Pentadbiran (PdT) Di Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Bantuan Teknikal dan Pemantauan	Memantau pemasangan dan penggunaan O365 A1 di Pejabat Pentadbiran Sekolah	17,000 unit lesen O365 A1	
10.		Langganan Perisian Selain Microsoft untuk Keperluan Pengurusan dan Pentadbiran (PdT)	Bantuan Teknikal dan Pemantauan	Menjalankan konfigurasi perisian lain seperti Adobe Creative Cloud	2,500 unit	Januari hingga Feb 2023



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
11.	SEKSYEN PUSAT DATA DAN RANGKAIAN (SPDR)	Kelas Hibrid – Penambahbaikan <i>Network</i>	Pemantauan dan Sokongan Teknikal	Membantu memantau pemasangan Infrastruktur Rangkaian Bagi Pelaksanaan Rintis Kelas Hibrid Di Bawah Program Transformasi Pendidikan Digital Institusi Pendidikan Di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) <u>Skop Projek</u> Pelaksanaan rintis naik taraf capaian Internet yang stabil menggunakan teknologi SDWAN dengan perkhidmatan langganan selama 18 bulan serta penyediaan rangkaian dalaman (LAN) di 110 institusi pendidikan KPM.	110	30 November 2022 hingga 29 November 2024 (24 bulan)



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
12.	SEKSYEN PUSAT DATA DAN RANGKAIAN (SPDR)	Rangkaian Internet KPM (Pelanjutan kelima)	Pemantauan dan Sokongan Teknikal	Membantu memantau dan mencadangkan penyelesaian pelaksanaan operasi dan sokongan teknikal Pelanjutan Kelima Pakej Interim Perkhidmatan Internet bagi 10,626 premis yang terdiri daripada sekolah dan agensi KPM. <u>Skop Projek</u> Pelaksanaan Pakej Interim Perkhidmatan Internet Bagi 10,214 Sekolah, Satu (1) Bahagian Sumber Dan Teknologi Pendidikan (BSTP), 15 Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), 13 Pusat Teknologi Pendidikan Bahagian (PTPB) Dan 366 Pusat Kegiatan Guru (PKG) Julai 2022 hingga Jun 2023.	10,626	Julai 2022 hingga Jun 2023 (12 bulan)



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
13.	SEKSYEN PUSAT DATA DAN RANGKAIAN (SPDR)	Penyenggaraan Peralatan Rangkaian di Agensi-agensi Kementerian Pendidikan Malaysia	Pemantauan dan Sokongan Teknikal	Membantu memantau dan mengenal pasti Perkhidmatan Penyenggaraan Peralatan Rangkaian Di Agensi-agensi Kementerian Pendidikan Malaysia. Skop Projek Kerja-kerja penyenggaraan rangkaian di 250 lokasi pejabat dan institusi pendidikan KPM yang terdiri daripada Bahagian KPM, IAB, JPN, Cawangan JPN, PPD, Cawangan PPD, Cawangan PPD, Jemaah Nazir, Audit Sekolah, SSTP, Pusat Kokurikulum dan Unit Sukan yang melibatkan 12 peralatan rangkaian seperti <i>Core Switch, Distribution Switch,</i> <i>Access Switch, Wireless Controller,</i> <i>Access Point, UPS, DHCP Server, Data</i> <i>Point, Fiber Optik</i> dan aksesori rangkaiannya	250	15 Disember 2021 hingga 14 Disember 2023 (24 bulan)



KE

BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLAH TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
14.	SEKSYEN KESELAMATAN , RISIKO DAN PEMATUHAN ICT (SKRP)	Peluasan Emel MyGovUC kepada AKP di Sekolah	Pentadbir UC - Sub Admin Level 1	Peranan dan tanggungjawab JTK di peringkat PPD dan Sekolah Seliaan: 1. Selaku Pentadbir (Sub Admin Level 1) peringkat PPD dan Sekolah Seliaan. 2. Menguruskan akaun pengguna AKP antaranya mewujudkan, mengemas kini dan menamatkan akaun pengguna dan kumpulan e-mel. 3. Menguruskan kata laluan akaun pengguna AKP 4. Menyediakan bantuan teknikal MyGovUC 2.0 5. Memantau penggunaan MyGovUC 2.0 6. Memantau dan menyelaraskan maklumat penspaman e-mel (sekiranya berlaku) 7. Menjalankan sesi latihan kepada Pengguna mengikut keperluan secara berjadual 8. Menghadiri sesi Latihan yang ditawarkan di bawah perkhidmatan MyGovUC 2.0 menerusi aplikasi LMS secara berterusan mengikut keperluan.	Semua Pengguna di peringkat PPD dan Sekolah Seliaan bagi domain moe.edu.my dan moe.gov.my	Disember 2022 - Mac 2023



BIL	SEKSYEN	NAMA PROJEK/ AKTIVITI	PERANAN PENYELARAS JTK DAN JTK DALAM PROJEK	SKOP KERJA/ TUGASAN YANG MELIBATKAN JPN/ PPD/ SEKOLAH	PPD/SEKOLA H TERLIBAT (Senarai /Bilangan)	TARIKH JANGKAAN PELAKSANAAN
15.	SEKSYEN KESELAMATAN , RISIKO DAN PEMATUHAN ICT (SKRP)	Pelaksanaan Pendaftaran Kali Pertama Akaun Pengguna Sistem Pengurusan IDentiti (idMe) bagi Warga KPM	1. PBT ICT 2. Admin ICT	1. Sebagai 2nd <i>level support</i> (PBT ICT) untuk sebarang masalah berkaitan idMe bagi PPD dan sekolah seliaan yang diterima melalui iSD bermula Mac 2023 2. Membantu menyemak maklumat pengguna idMe 3. Membantu mengemas kini maklumat pengguna idMe yang bermasalah.	Semua Pengguna idMe di peringkat PPD dan Sekolah Seliaan	Oktober 2022 - Ogos 2023



04

PERBINCANGAN ISU PELAKSANAAN PEMUSATAN SECARA *TASK FORCE*



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(1) KEPERLUAN PERALATAN PEJABAT / ALAT BANTU/ RUANG KERJA DI LOKASI PENUGASAN JTK	Keperluan infrastruktur bagi kemudahan pejabat yang tidak kondusif/tidak mencukupi/ usang/tiada 1. Keperluan Komputer /<i>Laptop/ Printer</i>/Mesin Fotostat 2. Keperluan alat bantu (tangga lipat, <i>toolkit</i> etc) 3. Keperluan ruang kerja (meja, kerusi, kabinet) 4. Keperluan peralatan/perisian untuk rakaman (Batu Pahat) (PPD Sandakan, Lawas, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Barat, Kanowit, Kuala Muda, Barat Daya, Kinta Utara, Mukah, Perlis, Kota Belud, Bachok, Batu Pahat, Kemaman, Jempol, Jelevu, Seberang Perai Tengah, Gua Musang,K.Kinabalu, Barat Daya, Sibul, Marang, Kulim Bandar Baharu,Jasin, Alor Gajah)	Menyediakan peralatan seperti yang disenaraikan untuk memudahkan urusan di pejabat dan pelaksanaan tugas teknikal	1. BPM sedang laksana Projek Sewaan Komputer Riba untuk keperluan JTK pemusatan bagi 3 Zon. 2. BPM juga telah memohon peruntukan bagi tahun 2023 bagi keperluan berikut: • Cadangan peralatan teknikal (<i>Toolkit</i>). • Alat Ganti ICT berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan oleh JPN pada tahun 2022. • Sewaan komputer riba bagi JTK Zon Tengah (Perak, Selangor, WPKL, WP Putrajaya dan Negeri Sembilan) 3. BPM telah kemukakan permohonan peruntukan bagi keperluan asas yang seragam bagi ruang kerja JTK berdasarkan permohonan dari JPN bagi OS35000 ke Bahagian Perolehan dan Bahagian Pembangunan untuk pertimbangan. 4. Senarai keperluan peralatan berkaitan rakaman tidak termasuk dalam senarai permohonan kerana ia bukan sebahagian tugas JTK.



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(2) TAMBAH BAIK RANGKAIAN	- Capaian Internet terlalu perlahan dan selalu kehabisan data di lokasi penugasan. (Perai Selatan, Kota Belud, Jempol, Jelevu, Alor Gajah, Jasin) - Tiada kemudahan perkhidmatan Internet di ruang pejabat malah menggunakan capaian Internet peribadi / Tiada capaian Internet di lokasi penugasan seperti di PKG. (Sibu, Selangor)	- Menukar rangkaian <i>network</i> lain yang <i>high speed</i> dan <i>unlimited</i> - Menyediakan Internet di PKG.	- Berdasarkan keputusan Mesyuarat Ketua Sektor Pengurusan Maklumat JPN pada 7 November 2022 memutuskan supaya JPN mengemukakan senarai lokasi penugasan yang mempunyai masalah talian Internet ke BPM untuk diambilkan dalam penambahbaikan Pelanjutan Kelima Pakej Interim Perkhidmatan Internet yang baharu. - Tarikh akhir permohonan talian tambahan talian interim telah ditutup pada Rabu 9 November 2022. <u>Tiada Permohonan diterima daripada JPN sehingga 9 November 2022</u> - Perai Selatan (USTP Nibong Tebal, USTP Sungai Bakap) - Kota Belud (PPD Kota Belud) - Jempol dan Jelevu (USTP BAHAU, USTP BATU KIKIR, USTP LUI, USTP ROMPIN, USTP PERTANG, USTP KLawang) - Alor Gajah (PKG MASJID TANAH, PKG GANUN, PKG MELEKEK) - Jasin (PKG SEBatu, PKG JASIN, PKG SELANDAR, PKG MASJID BARU) - Sibu (USTP SIBU) - Sandakan (PTPB SANDAKAN) - Kedah (Padang Terap). Tiada permohonan daripada JPN Kedah) <u>Permohonan diterima daripada JPN</u> - Sibu (SEKOLAH KEBANGSAAN SIBU JAYA)



KE

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(2) TAMBAH BAIK RANGKAIAN	3. Penempatan tugas ada dua tempat iaitu di PPD dan PKG. (Padang Terap) 4. JTK memerlukan Internet mobil bagi menjalankan kerja-kerja teknikal apabila berada di sekolah dan juga apabila terlibat dengan program-program negeri. (Sandakan)	3. Menyediakan Internet di PKG jika JTK akan ditempatkan di PKG satu hari nanti.	4. Bagi keperluan Internet Mobil Sandakan, telah dimaklumkan pada 6 Januari 2023 bahawa perolehan boleh dibuat mengikut keperluan menggunakan permohonan secara Sub Waran yang dimohon daripada BPM atau Menggunakan Peruntukan JPN/PPD/ mana-mana peruntukan yang ada dan dibentangkan untuk kelulusan teknikal ICT

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS
(3) TADBIR URUS (HRMIS)	1. Maklumat dalam Sistem HRMIS tidak dikemas kini oleh pentadbir sistem dan mengganggu aliran permohonan seperti permohonan cuti. 2. Kebanyakan pemusatan menghadapi masalah aliran seperti Cuti, penilaian dan penjanaaan GCR/penjanaaan Cuti, MyPortfolio tidak diendahkan oleh pentadbir HRMIS Daerah. (PPD Meradong)	1. Pihak Tadbir Urus ICT mohon berhubung dengan Unit HRMIS untuk memberitahu Unit HRMIS berkaitan penukaran aliran kerja yang sepatutnya. 2. Mohon lengkapkan semua keperluan sumber manusia di bawah aktiviti pemusatan.	1. Bagi pengemaskinian rekod HRMIS yang berkaitan dengan Cuti dan LNPT, hanya boleh dikemas kini oleh pentadbir HRMIS sekolah kerana waran JTK masih berada di sekolah. ❑ KPP SPM, JPN perlu membantu memberi peringatan mesra kepada PPD terlibat supaya pentadbir HRMIS di sekolah membuat pengemaskinian berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pemusatan yang telah diedarkan. 2. Bagi pengemaskinian MyPortfolio masih kekal seperti di sekolah , tidak perlu pengemaskinian mengikut carta di PPD atau JPN kerana waran JTK masih di sekolah. Pengemaskinian kepada yang baharu akan di laksana selepas pindah butiran telah diluluskan. Penyelarasan MyPortfolio perlu dilakukan supaya seragam bagi semua Penyelaras dan JTK. Penambahbaikan berkaitan pengurusan sumber manusia akan dikemas kini semula dalam Garis Panduan Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT Secara Pindah Butiran.



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(4) TADBIR URUS (Gred Penyelaras JTK)	- Hierarki berbumbungkan PPD dan ketiadaan pegawai yang mempunyai gred lebih tinggi seperti F41 untuk menjadi ketua bagi Unit Pengurusan Teknikal ICT menyebabkan JTK selalu diberikan tugas yang bercanggah dengan skop kerja serta di luar bidang JTK (PPD tampin) - Beban skop kerja JTK dan penyelaras tidak seimbang sedangkan gred dan gaji sama. (Lawas) - Pelantikan Penyelaras sedia ada yang terdiri daripada PPTM / JTK di kalangan rakan-rakan yang sekian lama bekerja bersama menyebabkan ketidakpatuhan kepada arahan yang diberikan. (Pulau Pinang) - Difahamkan bahawa penyelia bagi PPTM / JTK di PPD adalah di bawah seliaan “Executive Officer”, yang mana tidak memahami tugas dan “terms” teknikal ICT. (Gua Musang)	- Mewujudkan perjawatan yang lebih tinggi seperti FA32 atau F41 untuk menyelaras skop kerja JTK atau JTK diletakkan terus di bawah tadbir urus JPN. - Tadbir urus perlu ditadbir di bawah sektor pengurusan dan memerlukan pegawai yang gred lebih tinggi dilantik sebagai penyelaras JTK. Lantikan penyelaras JTK bukan dari kalangan JTK dan yang cekap di dalam bidang pengurusan. - Gred yang bersesuaian bagi Penyelaras JTK (Pengurusan dan Pentadbiran) memandangkan tugas dan skop Penyelaras adalah berbeza dengan skop tugas JTK yang lebih spesifik teknikal. - Menyerap semua JTK/ FA29 (KUP) yang dikategorikan sebagai lebihan yang wujud di setiap daerah. Wujudkan kembali waran mereka yang di dalam kategori "lebian" ini ke dalam Pemusatan JTK di PPD. - Ketua / Penyelia perlu dari kalangan warga Skim F yang lebih faham cara kerja dan terma teknikal ICT serta bergred lebih tinggi daripada FA29.	BPM dan BPSM sedang di peringkat akhir bagi penyediaan Kertas Cadangan. Mesyuarat bersama TKSU(P) dan BPSM telah selesai diadakan pada 22 November 2022 dan 5 Jan 2023 bagi mengenal pasti kaedah Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT Secara Pindah Butiran.



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(4) TADBIR URUS (Gred Penyelaras JTK)	5. Ada di kalangan PPD yang masih melantik FT19 sebagai penyelaras walaupun garis panduan pelaksanaan Pemusatan yang diedarkan tempoh hari adalah untuk mengutamakan FA29 (KUP). Adalah menjadi kejanggalan gred lebih rendah memberikan markah SKU kepada gred yang lebih tinggi. (Pulau Pinang)	5. Cadangan menyemak kembali gred JTK yang menjadi penyelaras di setiap PPD.	5. Maklum balas seperti di atas.
	6. Jawatankuasa Pemandu ICT daerah yang selama ini digalas oleh skim DG di PPD. Adalah tidak wajar dan tidak relevan jawatankuasa yang sepatutnya dianggotai dan diwakili oleh skim berkaitan ICT tetapi diberikan kepada skim lain yang tiada langsung latar belakang ICT mahupun kelayakan profesional berkaitan ICT. (Pulau Pinang)	6. Mencadangkan agar setiap perkara yang berkaitan ICT diserahkan dan dipertanggungjawabkan kepada "ahlinya" iaitu skim yang berkaitan ICT (F). Dicadangkan agar mewujudkan juga perjawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (FA29) hakiki di setiap PPD. FA29 adalah lebih layak untuk mengalas tanggungjawab sebagai penyelaras JTK di setiap daerah.	6. Penglibatan sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pemandu ICT JPN sewajarnya di kalangan Pegawai Pengurusan dan Profesional. Walau bagaimanapun, wakil kakitangan ICT boleh dijemput hadir sama sekiranya terdapat permohonan projek ICT yang berkaitan dengan PPD berkenaan bagi memberi input berkaitan teknikal ICT.

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(5) TADBIR URUS (Perjawatan Perkeranian)	1. Masalah yang dihadapi oleh kakitangan Skim F adalah dari segi pengurusan fail, surat menyurat dan urusan-urusan perkeranian yang lain. Tiada pendedahan dan pengalaman dalam menguruskan kerja-kerja perkeranian menyebabkan kebanyakan urusan-urusan berkaitan agak tidak bersistematik. (Gua Musang) 2. Skop kerja seharusnya menjurus kepada tugas-tugas teknikal. Kewujudan tugas-tugas perkeranian yang agak banyak serta tugas-tugas rencam lain menyebabkan fokus untuk melaksanakan tugas teknikal agak terabai. Apa yang terjadi di lapangan. (Gua Musang) 3. Kebanyakan penyelaras tidak mempunyai kemahiran pengkeranian dan ilmu pengurusan untuk mengendalikan dokumen juruteknik-juruteknik pemusatan. (Johor Bahru)	Mewujudkan kerani atau pembantu tadbir (gred N) di Unit Pengurusan Teknikal ICT Sekolah di setiap PPD bagi membantu penyelaras dalam menyediakan memo dalaman, menguruskan cuti HRMIS, minit mesyuarat, semak TNT dan beberapa dokumen penting di peringkat PPD kerana kebanyakan penyelaras berlatar belakangkan ilmu teknikal dan tidak mempunyai kemahiran dalam pengkeranian	1. Dari Segi Pengurusan Pentadbiran yang berkaitan pengurusan bagi rekod kehadiran, pengurusan tuntutan,latihan dalam perkhidmatan,urusan cuti dan rekod perkhidmatan adalah sewajarnya di bawah Sektor Pengurusan yang sama di PPD. Garis Panduan Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT akan diambil kira untuk penambahbaikan berdasarkan input-input yang diterima dan akan disemak bersama KPP SPM, Penyelaras JTK dan BPSM. 3. Sesi latihan berkaitan pengurusan dokumen-dokumen sentiasa boleh di laksana bagi meningkatkan kemahiran di kalangan Penyelaras JTK dan JTK. SPM JPN boleh membantu membuat penyelaras Latihan bersama Sektor Pengurusan JPN bagi keperluan tersebut atau kolaborasi bersama INTAN.



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(5) TADBIR URUS (Perjawatan Perkeranian)	4. Keperluan seorang kerani untuk mengurus kerja-kerja pengkeranian (fail/laporan/keberadaan/pengurusan stok@aset/dll) (Tambunan) 5. Beban tugas Penyelaras JTK sedia ada tidak dapat menampung kerja-kerja perkeranian dan pengoperasian pejabat seperti pengurusan rekod, fail, surat menyurat, pengurusan personel, penyediaan dokumen kewangan dan lain-lain. (Melaka Tengah, Alor Gajah)	Cadangan seperti di atas.	Maklum balas seperti di atas.



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(6) TADBIR URUS (Skop Tugas)	1. Pegawai-pegawai di PPD masih tidak memahami fungsi dan skop tugas pelaksanaan pemusatan JTK.	Skop tugas yang perlu di laksana oleh JTK adalah merujuk kepada perkhidmatan teknikal yang berkaitan ICT sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan pemusatan secara <i>task force</i> .	1. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Ketua Sektor Pengurusan Maklumat JPN pada 7 November 2022 berkaitan pengurusan kes yang diterima melalui ISD tetapi tidak berkaitan dengan skop teknikal ICT. Contohnya seperti di bawah: • Rakaman video. • Masalah <i>punch card</i>. • Khidmat bantu juruteknik untuk kejohanan sekolah. • Pembaikan suis elektrik. • Kerja-kerja berkaitan elektrik. Mesyuarat memutuskan supaya kes seperti di atas atau luar skop tidak ditutup oleh ejen dalam Sistem ISD tetapi perlu diagihkan kepada Pegawai Bantuan Teknikal ICT di JPN untuk membuat penilaian serta mendapatkan pertimbangan serta kelulusan KPP ICT JPN masing-masing sebelum penugasan kes kepada juruteknik di lapangan. Peruntukan bagi tuntutan adalah di bawah penyelarasan program dan bukannya di bawah peruntukan pemusatan.

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(6) TADBIR URUS (Skop Tugas)	2. Pengetua dan Guru Besar mungkin tidak jelas tentang status pemusatan juruteknik di mana pihak sekolah masih beranggapan Juruteknik masih di bawah seliaan beliau serta boleh menggunakan khidmat juruteknik pada bila-bila masa mengikut keperluan sekolah contohnya majlis-majlis, hari sukan dan lain-lain lagi. (Pontian) 3. Berlaku permohonan bagi tugas-tugas yang tidak sesuai dilaksanakan oleh JTK.	Skop tugas yang perlu di laksana oleh JTK adalah merujuk kepada perkhidmatan teknikal yang berkaitan ICT sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan pemusatan secara <i>task force</i>.	2. JPN boleh memberi penjelasan semula kepada PPD terlibat melalui mesyuarat pengurusan berkala bersama PPD dan Pentadbir Sekolah. 3. JPN mengenal pasti PPD terlibat dan mengaturkan sesi libat urus bersama BPM dan BPSM.

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(6) TADBIR URUS (Skop Tugas)	4. Skop kerja seharusnya menjurus kepada tugas-tugas teknikal. Kewujudan tugas-tugas perkeranian yang agak banyak serta tugas-tugas rencam lain menyebabkan fokus untuk melaksanakan tugas teknikal agak terabai. Apa yang terjadi di lapangan. (Gua Musang)	4. Penyediaan Skop Kerja yang jelas dan terperinci seharusnya diselaraskan di semua lokasi Pemusatan agar keseragaman dan skop tugas tidak terpesong ke arah pelaksanaan tugas rencam yang tidak berkaitan dengan ICT.	Maklum balas seperti di atas.
	5. Pegawai di PPD suka melibatkan JTK di dalam jawatankuasa kerja/ memberikan kerja/aktiviti PPD kepada JTK tanpa merujuk kepada penyelarar JTK terlebih dahulu. Ini akan menjejaskan pergerakan dan perancangan JTK ke sekolah-sekolah yang memerlukan khidmat bantu. Memberi kesan dan pandangan negatif kepada pihak sekolah kerana perlu dibatalkan/tangguh di saat akhir. (Bau)	5. Penyelarar JTK bertanggungjawab menyusun atur dan menyelarar kerana lebih tahu pergerakan JTK di bawah mereka. Sebaiknya pegawai-pegawai di PPD merujuk kepada penyelarar terlebih dahulu sebelum mengeluarkan memo,surat arahan kepada JTK. Pegawai-pegawai di PPD harus akur. UPTICTS bukan di bawah Unit Pengurusan Sumber Manusia.	



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(6) TADBIR URUS (Skop Tugas)	6. Skop kerja JTK pemusatan agak kurang dilaksanakan kerana banyak kerja yang melibatkan kerja PPD perlu di buat. Contohnya JTK ada yang dipanggil untuk menguruskan majlis, p.a sistem, <i>editing</i> video, ambil gambar, membuat <i>line</i> di padang sekolah (jika ada perlawanan bola sepak daerah & negeri) (Bagan Datuk)	6. Jika ingin meneruskan pemusatan JTK adalah lebih baik semua pengurusan di bawah JPN negeri (Unit ICT) itu sendiri berbanding di bawah PPD masing- masing. Kerjasama ataupun tugas untuk membantu agensi lain (PPD) boleh dijalankan sekiranya perlu sahaja. Tetapi adalah lebih baik pemusatan tidak diteruskan.	6. Maklum balas seperti di atas.
	7. Skop kerja PPTM masih melaksanakan tugas seorang JTK. (Barat Daya)	7. Memperluas skop kerja PPTM ke arah pengaturcaraan seiring dengan pembangunan sistem pendidikan semasa.	7. Skop kerja bagi FA29(KUP) masih melaksana tugas JTK kerana disandang kepada waran JTK.

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(6) TADBIR URUS (Skop Tugas)	8. Bagi tugas berkaitan ICT, tidak ada masalah tetapi bagi tugas yang dimohon oleh sektor lain di peringkat PPD,ada percanggahan pendapat di mana juruteknik sering kali enggan memberi kerjasama kerana dirasakan tidak berkaitan dengan skop teknikal seperti di garis panduan. Penyelaras perlu merujuk kepada Ketua Sektor atau Pegawai Pendidikan Daerah sendiri untuk mengeluarkan arahan-arahan jelas supaya tidak ada bantahan daripada pegawai teknikal .	8. Meletakkan Juruteknik Kanan bergred lebih tinggi di peringkat Penyelaras Juruteknik di daerah sebagai contoh Gred F32 dan untuk menjalankan fungsi sebagai ketua.	8. Maklum balas seperti di atas.
	9. Tiada garis panduan khusus untuk skop pengurusan pentadbiran. Berlaku beberapa pertindihan atau percanggahan di pihak juruteknik berkaitan prosedur operasi standard yang diberikan sama ada mengikut kaedah pentadbiran PPD atau mengikut garis panduan yang sedia ada. (Kinta Utara)	9. Dari Segi Pengurusan Pentadbiran, perlu ada satu garis panduan jelas untuk dirujuk,sebagai contoh pengurusan bagi kehadiran,pengurusan tuntutan,latihan dalam perkhidmatan,urusan cuti dan rekod perkhidmatan,diselia oleh pihak mana. Bagi pemusatan ini, Penyelaras daerah perlu menjalankan semua sub tugas ini selain dari tugas teknikal seperti pergerakan PBT untuk tugas , semakan ketersediaan infrastruktur dan Internet dan lain-lain. Ini mengakibatkan berlaku bebanan tugas yang tinggi di peringkat penyelaras daerah.	9. Dari Segi Pengurusan Pentadbiran yang berkaitan pengurusan bagi kehadiran, pengurusan tuntutan, latihan dalam perkhidmatan, urusan cuti dan rekod perkhidmatan adalah sewajarnya di bawah Sektor Pengurusan yang sama di PPD. Garis Panduan Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT akan diambil kira untuk penambahbaikan berdasarkan input-input yang diterima dan akan disemak bersama KPP SPM, Penyelaras JTK dan BPSM.



KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(7) SUMBER MANUSIA	Kekosongan perjawatan JTK tidak diisi	Membuka semula pengambilan juruteknik baharu	Akan ambil kira dalam Permohonan Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT Secara Pentadbiran termasuk pengisian dengan lebih penyandang.
	Penyelaras JTK pertama kali membuat penilaian LNPT dan tidak mempunyai pengalaman dalam penilaian.	Mengadakan satu sesi bengkel Penilaian LNPT supaya Penyelaras JTK dapat memberi markah yang adil kepada JTK seliaan	SPM JPN boleh menyelaras sesi Latihan berkaitan penilaian LNPT melalui kerjasama dengan Sektor Sumber Manusia JPN.



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(8) LOKASI PENUGASAN	1. PPD menutup lokasi penugasan JTK yang asal (seperti di Lampiran D) dan membawa masuk JTK ke dalam sektor-sektor yang terdapat di dalam PPD. Berlaku isu jarak di antara JTK ke lokasi sekolah seliaan setelah JTK ditempatkan di PPD. 2. Jarak yang ditetapkan pada awal pelaksanaan pemusatan adalah sesuai dan tidak membebankan JTK (Pekan) 3. JTK ditempatkan di lokasi penugasan yang jauh dari rumah (Kubang Pasu)	1. BPM mengeluarkan arahan ke peringkat daerah supaya penempatan asal dikekalkan dan tidak diubah. 2. Menyemak semula lokasi penugasan JTK kerana sebahagian JTK tidak terlalu jauh.	1. Berdasarkan Carta Organisasi pemusatan <i>task force</i> yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT di JPN dan PPD Secara Task Force bertarikh 23 Februari 2022, (rujuk Lampiran A(i) dan Lampiran A(ii)), JTK yang terlibat dalam pelaksanaan pemusatan adalah diletakkan di bawah Unit baharu iaitu Unit Pengurusan Teknikal ICT Sekolah yang diketuai oleh Penyelaras JTK yang dilantik oleh Pengarah JPN dan bukannya di bawah Unit/Sektor lain. 2. Perubahan lokasi penugasan boleh diambil kira sekiranya lokasi penugasan JTK yg baharu lebih dekat berbanding lokasi yang sebelumnya. Walau bagaimanapun, sebarang pindaan lokasi penugasan perlu dikemukakan semula oleh pihak JPN kepada BPM untuk pertimbangan dan kelulusan menggunakan format seperti di Lampiran D yang disertakan dalam Garis Panduan. Manakala, Surat Arahan Penugasan yang baharu perlu dikeluarkan oleh JPN seperti format di Lampiran E yang disertakan dalam Garis Panduan.



KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(9) PERUNTUKAN KEWANGAN	1. Tuntutan perjalanan ke sekolah-sekolah dibayar kurang daripada tuntutan yang dipohon atau tidak dibayar. (Muar)	1. Memberikan elaun khas untuk menggantikan tuntutan perjalanan (TNT) JTK. Tuntutan perjalanan melibatkan proses yang panjang dan peruntukan tuntutan yang terhad.	1. Cadangan pemberian elaun khas memerlukan kelulusan dari agensi pusat. Bagi isu tuntutan perlu membuat semakan sama ada permohonan tidak lengkap atau sebagainya.
	2. Tuntutan perjalanan di bawah jarak 25KM tidak dibayar (Song)	2. Memberi Pekeliling berkaitan Bayaran Tuntutan bawah 25 KM	2. Sepatutnya tiada isu melainkan kawalan secara dalaman di peringkat PPD. SPM JPN perlu bantu perbincangan lanjut bersama PPD terlibat.



KEM

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(9) PERUNTUKAN KEWANGAN	3. Peruntukan untuk membeli alat ganti peralatan ICT adalah tidak mencukupi.	4. Mewujudkan stor alat ganti ICT (<i>ready stock</i>) yang dikawal selia oleh SPMICT	3. eh JPN pada tahun 2022. 4. Semua JPN dan Penyelaras JTK boleh mula membuat perancangan dan keutamaan pembelian alat ganti terutamanya berdasarkan aduan ISD yang masih pending disebabkan tiada alat ganti.
	4. Kekurangan medium permohonan untuk mendapatkan alat ganti ICT (<i>hardware</i>) dalam tempoh tiga hari bekerja seperti yang ditetapkan dalam SLA ISD.	5. Mohon untuk penambahan peruntukan waran mengikut peruntukan semasa	5. Peruntukan disalurkan berdasarkan anggaran permohonan oleh JPN. Walau bagaimanapun tertakluk kepada kelulusan Bahagian Kewangan. Perlu pastikan peruntukan yang disalurkan hanya digunakan bagi tugas-tugas di bawah skop pelaksanaan pemusatan perkhidmatan teknikal ICT sahaja.
	5. Peruntukan yang diturunkan sebelum ini adalah tidak mencukupi untuk membiayai kos perjalanan PBT. (Tambunan)		
	6. Memerlukan peruntukan OS24 memandangkan kebanyakan sekolah di Daerah Song menggunakan jalan air untuk ke sekolah. (Song)	6. Menurunkan (subwaran) peruntukan OS24	6. BPM telah memohon peruntukan bagi OS24 untuk tahun 2023 berdasarkan anggaran yang telah dikemukakan oleh JPN pada tahun 2022.



KEMEN

KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(10) LATIHAN/ KURSUS	JTK kurang mendapat Latihan/ kursus	Menyediakan kursus/ latihan untuk meningkatkan lagi kebolehan diri seperti <i>networking</i> dan <i>programming</i> .	1. Sebagai permulaan, BPM telah menyediakan platform pembelajaran secara atas talian melalui MOE <i>Learning Hub (Percipio)</i> yang boleh diakses untuk pembelajaran. Capaian kepada Platform ini akan diteruskan dalam Fasa 2 di mana modul/topik baharu akan ditentukan semula yang menjurus kepada keperluan JTK. 2. BPM juga telah memohon peruntukan untuk keperluan latihan teknikal bagi tahun 2023.
	Kurang kemahiran dalam skop kerja yang melibatkan: 1. <i>Active Directory</i> 2. M365 3. Cara menjawab permasalahan kes dalam sistem ISD	Mengadakan bengkel atau latihan pemantapan (AD, M365 dan ISD) untuk JTK secara bersemuka	1. Active Directory • Tiada keperluan skop tugas di peringkat JTK 2. M365 • BPM telah melaksanakan latihan cara penggunaan M365 dan manual penggunaan juga telah diedarkan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, BPM bersetuju untuk melaksanakan bengkel atau latihan kepada JTK/PPTM untuk peningkatan kompetensi 3. ISD • Pentadbir di peringkat JPN boleh mengadakan sesi latihan pemantapan (<i>refresher</i>) kepada JTK dengan dibantu oleh BPM (bila perlu).



KATEGORI ISU	HURAIAN BAGI ISU	CADANGAN PENYELESAIAN OLEH PENYELARAS JTK	MAKLUMBALAS BPM
(11) PERANTI SEWA GUNA	Penyelenggaraan pencegahan (PM) tidak dilakukan dengan betul selain kerosakan ke atas peranti diuruskan dengan lambat. Pasukan <i>task force</i> tidak boleh membaiki peranti yang rosak kerana masih dalam tempoh waranti. (Kuala Kangsar)		Perlu lapor semula dalam ISD dan SPM JPN untuk tindakan selanjutnya berdasarkan terma SLA yang telah ditetapkan.
(12) SISTEM ISD	Kekurangan penggunaan atau sambutan ISD di peringkat sekolah. (Tanah Merah)	Pihak KPM perlu mengeluarkan satu surat siaran untuk mewajibkan penggunaan ISD.	BPM sentiasa membuat hebahan dan promosi. Pentadbir di peringkat JPN boleh mengadakan sesi taklimat kepada sekolah dengan dibantu oleh BPM (bila perlu).



05

PERBINCANGAN USUL PELAKSANAAN PEMUSATAN SECARA *TASK FORCE*



KATEGORI USUL	USUL	MAKLUMBALAS BPM
SUMBER MANUSIA	Memberikan insurans kelompok kepada JTK kerana JTK terdedah dengan kemalangan lebih-lebih lagi ketika menjalankan kerja-kerja teknikal di lokasi	Tiada insurans atau mana-mana perlindungan disediakan melainkan pampasan yang diberikan kepada penjawat awam iaitu Skim Pembayaran Pampasan (Ex-Gratia).
PERJAWATAN	1. Mohon diberi kelonggaran syarat kenaikan gred dari FT19/22 ke FA29/32 bagi FT yang mempunyai sijil/diploma selain teknologi maklumat dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan awam yang melebihi 5 tahun ke atas. 2. Jumlah tahun bagi kenaikan pangkat secara <i>time-based</i> yang sedia ada iaitu 13 tahun berturut-turut kepada kurang daripada 10 tahun berturut-turut atau seragam seperti kenaikan pangkat guru di sekolah, kerana FT dan FA berada dalam kementerian pendidikan yang sama-sama kritikal dalam menjalankan amanah pendidikan negara yang sedang menuju kepada dunia digital yang sangat luas. (Pontian)	Perjawatan adalah di bawah bidang kuasa Agensi Pusat (JPA dan MAMPU). Boleh juga disalurkan melalui Kesatuan.



KATEGORI USUL	USUL	MAKLUMBALAS BPM
PAKAIAN	Isu keseragaman uniform juruteknik ketika menjalankan tugas luar, kerana terdapat beberapa sekolah telah menegur cara pemakaian seperti vendor penghantaran barang kerana baju tidak seragam meskipun JTK menggunakan Tag Nama yang seragam. Selain itu, JTK perlu menggunakan pakaian dalam pejabat untuk melakukan tugas luar yang mana ia tidak sesuai dan tidak selesa. CADANGAN : Pakaian seperti seluar panjang bagi wanita dan baju T-shirt berkolar boleh dipakai semasa melaksanakan tugas namun haruslah tertakluk kepada pekeliling-pekeling yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Tiada elaun pakaian ataupun pakaian khas yang disediakan kepada JTK ketika bertugas sepanjang tempoh pemusatan JTK secara <i>task force</i>. (Betong)	Pakaian seperti seluar panjang bagi wanita dan baju T-shirt berkolar boleh dipakai semasa melaksanakan tugas namun haruslah tertakluk kepada pekeliling-pekeling yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Tiada elaun pakaian ataupun pakaian khas yang akan disediakan kepada JTK ketika bertugas sepanjang tempoh pemusatan JTK secara <i>task force</i>.

KATEGORI ISU	USUL	MAKLUMBALAS BPM
KAJI SEMULA PELAKSANAAN PEMUSATAN	1. Sesetengah JTK dan sekolah belum bersedia sepenuhnya untuk pemusatan ini. Diharapkan dikaji semula pemusatan ini kerana lebih banyak menimbulkan isu kerana kekurangan bermacam macam perkara yang diperlukan. 2. Mencadangkan agar program khidmat bantu ICT dilaksanakan secara berkala / berjadual untuk membantu sekolah yang tiada juruteknik atau sekolah lain yang memerlukan bantuan juruteknik lain dalam menyelesaikan masalah di sekolah tersebut. Program khidmat bantu dapat memberi manfaat kepada semua pihak sama ada sekolah, PPD atau JPN. (Kuching)	1. Pelaksanaan adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat JK Teknikal ITP Bil. 2/2021 pada 26 Ogos 2021 dan Mesyuarat JK Pemandu ITP Bil. 2/2021 pada 10 September 2021 iaitu: ☐ Peringkat 1 : Inisiatif A7 ITP iaitu Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT dilaksanakan secara <i>task force</i>. ☐ Peringkat 2 : Inisiatif A7 ITP iaitu Pemusatan Perkhidmatan Teknikal ICT dilaksanakan secara pindah butiran 2. Objektif utama pelaksanaan pemusatan adalah bagi tujuan: i. Memantapkan tadbir urus ICT di peringkat negeri secara menyeluruh merangkumi PPD dan sekolah bagi memastikan perkhidmatan teknikal ICT di PPD dan sekolah lebih efisien. ii. Memastikan tugas JTK di laksana dengan jelas, seragam dan teratur mengikut deskripsi tugas yang ditetapkan. iii. Mengoptimumkan penggunaan sumber manusia, meningkatkan kemahiran teknikal dan kompetensi di kalangan JTK bagi menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan ICT KPM. iv. Semua sekolah menerima perkhidmatan teknikal ICT yang sama. v. Meningkatkan tahap kesediaan infrastruktur ICT di tahap yang lebih baik dengan memastikan perkhidmatan penyelenggaraan peralatan dan pelaporan secara berkala dan berjadual. 3. Walau bagaimanapun , penambahbaikan akan di laksana dari masa ke semasa mengikut keperluan bagi memastikan pelaksanaan berjalan lancar.
	1. Tujuan pemusatan tidak mencapai objektif kerana banyak lakukan kerja-kerja lain. Lebih baik bekerja di sekolah sekiranya begitu. Kerana kerja-kerja di sekolah lebih memerlukan juruteknik komputer. Semasa pemusatan ini, sekolah asal tetap panggil kami untuk membantu. Oleh kerana kami di bawah PPD maka kami sukar untuk membantu kerana jarak yang jauh dan memerlukan kebenaran dahulu. 2. Diharap pemusatan ini dibatalkan dan juruteknik bekerja semula di sekolah kerana langkah ini lebih baik dan sangat efisien. (Bagan Datuk)	




06

HAL-HAL LAIN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BPM KPM



TERIMA KASIH